

**From:** Group Corporate Communications

**Sent:** 14 November 2006 18:20

**To:** .All; .All GM

**Subject:** Zainab Hashim Dilantik Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif TM Net

Warga TM,

Kami ingin mengumumkan bahawa Puan Zainab Hashim, yang kini merupakan Pengurus Besar Pemasaran TM Net Sdn Bhd akan memangku jawatan Ketua Pegawai Eksekutif TM Net berkuatkuasa hari ini.

Zainab telah bersama TM Net sejak 2001 dan memainkan peranan penting dalam mewujudkan bahagian Produk dan Perkhidmatan Aplikasi Kandungan (Content Applications Services and Products – CASP). Zainab telah berkhidmat dengan TM sejak 28 tahun yang lalu dengan memegang pelbagai jawatan dan pengalaman beliau merangkumi bidang yang luas dalam perniagaan telekomunikasi dan multimedia. Beliau merupakan seorang pemimpin yang berpengalaman serta berpengetahuan luas dalam operasi dan strategi TM Net.

Michael Lai, Ketua Pegawai Eksekutif TM Net akan meletakkan jawatan untuk meneruskan peluang kerjayanya di luar. Pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan TM dan TM Net mengucapkan ribuan terima kasih kepada Michael di atas khidmat yang telah diberikan kepada Kumpulan. Beliau telah menunjukkan daya kepimpinan dan komitmen yang tinggi dalam meneraju TM Net serta semasa tempoh khidmat beliau sebagai Naib Presiden Kanan, Pembangunan Jenama dan Pasaran, Celcom (Malaysia) Berhad.

Kami ingin mengucapkan semoga beliau berjaya dalam bidang yang diceburi pada masa akan datang.

Salam hormat,

### **Komunikasi Korporat Kumpulan**

### **TM**

Dear Colleagues,

We wish to announce that Puan Zainab Hashim, currently the General Manager of Marketing at TM Net Sdn Bhd will assume the position of Acting Chief Executive Officer of TM Net effective today.

Zainab has been with TM Net since 2001 and was also instrumental in setting up Content Applications Services and Products (CASAP) division. Zainab has been with TM for the last 28 years serving in various capacities and her experience covers a broad spectrum of the telecommunications and multimedia business. She is an experienced leader and is well versed with TM Net's operations and strategy.

Michael Lai, TM Net's CEO, will be leaving his current position to pursue an external career opportunity. The Board and Management of TM and TM Net wish to thank Michael for his service with the Group. He has displayed strong leadership and commitment in leading TM Net and during his tenure as the Senior Vice President, Branding and Market Development of Celcom (Malaysia) Berhad.

We wish him well in his future endeavour.

Regards,

**Group Corporate Communications**

**TM**

